

**'Kadang-kala menuntut hak atau kuasa yang sebenarnya bukan kepunyaan mereka'**

# Pendesak boleh musnahkan demokrasi - PM

UM 12 NOV 1985

Oleh Kamal Zailani

(P)

**K**UALA LUMPUR 14 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kemunculan kumpulan-kumpulan pendesak yang mencabar kewibawaan pihak-pihak berkuasa boleh memusnahkan sistem demokrasi sekiranya desakan itu dibuat sehingga melebihi batasan.

Kata Perdana Menteri, kumpulan-kumpulan pendesak yang muncul akhir-akhir ini bukan sahaja mencabar pihak-pihak berkuasa malah kadang-kala menuntut hak atau kuasa yang sebenarnya bukan kepunyaan mereka.

"Akibat terlalu ghairah dengan anggapan bahawa mereka mempunyai kuasa dan hak untuk menyuarakan apa sahaja dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, kumpulan-kumpulan ini sering terbawa-bawa dengan isu-isu yang sensitif," kata beliau.

Berucap di Persidangan Undang-Undang Malaysia Yang Kelapan di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa sejarah telah membuktikan terdapat negara-negara yang lumpuh pentadbirannya setelah kumpulan-kumpulan pendesak menuntut sesuatu yang berlebihan.

Sekiranya ini berlaku, tambah beliau, peluang untuk mengambilalih kuasa oleh golongan-golongan tertentu akan terbuka luas dan untuk mengembalikan semula proses demokrasi akan mengambil masa yang lama.

## Pendesak boleh musnahkan demokrasi

Perdana Menteri mengingatkan, untuk mengekalkan sistem demokrasi batas kebebasan yang diberikan seharusnya dipelihara dengan bertanggungjawab.

Tegas beliau, golongan minoriti juga mempunyai hak-hak yang tidak terbatas tetapi mereka atau kumpulan-kumpulan pendesak seharusnya tahu batasan dan masa-masa untuk menghentikan tuntutan mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi amaran, dalam sistem perundangan, tidak ada tempat untuk mereka yang angkuh kerana keangkuhan merupakan satu petanda kelemahan sesuatu pihak.

"Seringkali mereka yang angkuh membayangkan bahawa mereka mempunyai kuasa atau pengaruh dan boleh berbuat apa sa-

haja" katanya.

Beliau menyatakan rasa tidak puas hati terhadap mutu yang ditunjukkan oleh peguam-peguam dan golongan profesional ketika menjalankan kewajipan masing-masing.

Peguam-peguam, katanya, tidak sepatutnya terlalu emosional ketika berkhidmat untuk pelanggan mereka.

"Kepercayaan dan perasaan mereka seharusnya dipisahkan kerana jika ini tidak dapat dilakukan, pelanggan hanya akan menjadi 'boneka' untuk meluahkan rasa tidak puas hati peguam sahaja," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sejak kebelakangan ini terdapat peguam-peguam yang menggunakan pelanggan masing-masing

untuk menyatakan pendirian mereka dan sekiranya ini berlaku, profesion perundangan akan tercemar.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan, dalam masyarakat di negara ini, seseorang itu 'tidak meludah pihak lain dan selepas itu mengharap orang yang diludah mengikut kehendaknya.'

Negara ini adalah Malaysia, dan falsafah serta nilai-nilai yang diamalkan di sini tidak boleh disamakan dengan negara-negara lain, ujarnya.

Beliau berkata, golongan profesional di negara ini lebih mengamalkan sikap tertutup dan kepentingan ahli-ahli yang dimonopoli oleh golongan tertentu lebih utama dari kepentingan orang ramai malah negara sendiri

UUM 12 NOV 1985